

Soal air akan diatasi

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

ALOR SETAR, Jumaat — Kerajaan akan menubuhkan satu pasukan petugas khas bagi mengkaji masalah kesulitan air di seluruh negara, demikian ditegaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, masalah kesulitan air sering dihadapi oleh banyak tempat di negara ini termasuklah di kawasan Kuala Kedah.

Perdana Menteri menegaskan demikian ketika mengulas masalah kesulitan air di Kuala Kedah selepas melakukan lawatan singkat ke kawasan tersebut pagi tadi.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, masalah kesulitan air memang disedari oleh kerajaan dan langkah-langkah sedang diambil untuk mengatasinya.

Beliau berkata, masalah tersebut timbul disebabkan pekan-pekan di negara ini semakin membesar dan bangunan-bangunan kian bertambah.

Katanya, masalah kekurangan peruntukan dan teknikal adalah di antara beberapa faktor yang menyebabkan kerajaan tidak dapat mengadakan rancangan perbekalan air dengan sempurna.

"Pertambahan bangunan-bangunan di pekan besar telah meningkatkan lagi keperluan bekalan air di kawasan-kawasan bandar dan juga luar bandar.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, pihak Jabatan Kerja Raya boleh membekalkan air ke kawasan-kawasan yang mempunyai saluran-saluran paip yang baik dan mencukupi.

Katanya, masalah timbul di kawasan-kawasan yang mempunyai saluran paip yang lama kerana paip-paip tersebut tidak dapat menyalurkan bantuan air yang dikehendaki.

Menurutnya lagi, pada masa ini logi-logi pembersihan air masih tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan air.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu, pasukan petugas itu akan mengkaji masalah-masalah di kawasan-kawasan yang menghadapi kesulitan air.

Mengenai projek lebuh raya di Sungai Korok, beliau gembira projek tersebut berjalan baik dan akan siap tidak lama lagi.

Katanya, projek lebuh raya dua hala itu yang menelan belanja \$23 juta akan menyambungkan Lebuh raya Utara Selatan yang akan siap tidak lama lagi.

Beliau juga berkata, dengan adanya lebuh raya tersebut masalah kesesakan di Alor Setar dapat diatasi.

Menurutnya lagi, lebuh raya sepanjang tiga batu itu akan memberi imej baru kepada pintu masuk ke Alor Setar dari selatan.